




LEMBAGA KEMAJUAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA
Malaysian Industrial Development Authority

Blok 4, Plaza Sentral
Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur
P.O. BOX 10618
50720 Kuala Lumpur

Tel: 603-2267 3633
603-2274 3633
Fax: 603-2274 7970
email: mida@mida.gov.my
website: www.mida.gov.my

Ruj Kami : 120/38199/0908/0001ACI
Tarikh : 29 Disember, 2006

Tetuan,
Pyrogen Manufacturing Sdn. Bhd.
17, Jalan Pemberita U1/49
Temasya Industrial Park
40150 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan



Tuan,

Permohonan daripada **Pyrogen Manufacturing Sdn. Bhd.** untuk mendapatkan **Galakan Taraf Perintis bagi Industri Kecil-kecilan** di bawah Akta Penggalakan Pelaburan, 1986 bagi bagi mengeluarkan 'aerosol fire suppression equipment'

Saya merujuk kepada permohonan tuan yang diterima pada 3 Oktober, 2006 mengenai perkara seperti di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Y.B. Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dengan persetujuan bersama Y.B. Menteri Kewangan telah **meluluskan** permohonan tuan untuk mendapatkan galakan **Taraf Perintis bagi Industri Kecil-kecilan** di bawah Akta Penggalakan Pelaburan, 1986 dengan pengecualian cukai sebanyak **100%** ke atas pendapatan statutori untuk tempoh **5 tahun** bagi mengeluarkan (to manufacture) 'aerosol fire suppression equipment' tertakluk kepada syarat-syarat berikut :-

- (i) Sekurang-kurangnya 60% daripada saham syarikat hendaklah dibeli dan dipegang oleh warganegara Malaysia; dan
- (ii) Nilai ditambah keluaran syarikat ini hendaklah mencapai sekurang-kurangnya 20%; dan
- (iii) Jumlah staf di peringkat pengurusan, teknikal dan penyeliaan hendaklah mencapai sekurang-kurangnya 15% daripada jumlah gunatengah syarikat.

3. Untuk makluman tuan, nilai ditambah ditafsirkan sebagai jumlah jualan kasar ditolak kos bahan mentah.

4. Syarikat tuan adalah dikehendaki untuk mengemukakan permohonan untuk mendapatkan Sijil Perakuan Perintis seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 7 Akta Penggalakan Pelaburan, 1986 kepada Bahagian Khidmat Industri, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh kelulusan galakan ini. Borang permohonan untuk Sijil Perakuan Perintis adalah dikemukakan bersama-sama ini.

5. Sebagaimana yang tuan sedia maklum, syarikat tuan kini adalah dikecualikan daripada kesemua peruntukan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975. Walau bagaimanapun, sekiranya dana pemegang-pemegang saham syarikat tuan meningkat kepada RM 2,500,000/- atau lebih ataupun jumlah pekerja sepenuh masa yang bergaji meningkat kepada 75 orang atau lebih, tuan adalah dikehendaki memohon untuk mendapatkan Lesen Pengilang di bawah Akta ini.

6. Bagi tujuan rekod Lembaga ini, tuan diminta mengemukakan dokumen-dokumen seperti berikut (sekiranya pihak tuan belum berbuat demikian) :-

- (i) Memorandum And Articles of Association
- (ii) Sijil Pendaftaran
- (iii) Sijil Alamat Berdaftar
- (iv) Senarai Ahli-ahli Lembaga Pengarah


7. Tuan juga diminta memberitahu Lembaga ini jika tuan menukar tapak kilang tuan.

Sekian, dimaklumkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“CEMERLANG, GEMILANG, TERBILANG”

Yang benar,



(Datuk R. Karunakaran)

Ketua Pengarah

Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia